

46,712 calon lulus penuh STPM

BIH 8/3/12 MS 9.

Keputusan 2011 menurun berbanding 46,795 lulus penuh 2010

● EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

Oleh Noor Azlina Zainudin dan Nas Norziela Nasbah
open@bharian.com.my

SELAYANG: Seramai 46,712 atau 92.19 peratus calon lulus penuh sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2011, menurun sedikit berbanding 46,795 atau 92.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, 2,579 calon lulus penuh lima mata pelajaran, 20,638 lulus empat mata pelajaran, 10,221 lulus tiga mata pelajaran, 7,074 lulus dua mata pelajaran dan bakinya lulus satu mata pelajaran. Seramai 50,669 calon menduduki STPM tahun lalu.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, berkata 12 calon iaitu enam calon aliran sains dan enam calon sastera mencapai keputusan cemerlang gred A dalam semua lima mata pelajaran berbanding hanya lapan calon pada 2010.

Katanya, berdasarkan peratusan



MOHD NOH (dua dari kiri) berbual dengan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang STPM, semalam.

kelulusan penuh mengikut mata pelajaran, prestasi calon bagi mata pelajaran Bahasa Arab, Sejarah dan Perakaunan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.

"Bilangan calon yang menjawab

soalan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya dalam tujuh mata pelajaran meningkat satu peratus kepada 98.1 peratus berbanding 97.1 peratus pada tahun sebelumnya," katanya pada sidang media mengu-

mumkan keputusan STPM, di sini semalam.

Mohd Noh berkata, pada umumnya, prestasi calon 2011 sama dengan 2010 dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan sama iaitu 2.22.